

Headline	Culas bayar bil RM 8.7 j		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	12 Jul 2018	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	66
ArticleSize	401 cm ²	Journalist	Mohd Nazllie
PR Value	RM 47,391		



■ **SESB potong bekalan elektrik pusat beli-belah 1Borneo**

Mohd Nazllie Zainul
cnews@nstp.com.my

Kota Kinabahu

Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) semalam memotong bekalan elektrik di 1Borneo Hypermall di sini, berikutan kegagalan pengurusan pusat beli-belah itu menjelaskan tunggakan bil elektrik berjumlah lebih RM8.7 juta.

Jurucakap SESB berkata, pemotongan dibuat selepas pengurusan kompleks itu masih gagal menjelaskan bil walaupun notis arahan berbuat demikian beberapa kali dikeluarkan.

Bagaimanapun, katanya, pemotongan bekalan hanya membabitkan bahagian pendingin hawa menyebabkan pusat beli-belah itu kurang sejuk, namun masih beroperasi seperti biasa.

“SESB memotong bekalan (elektrik) ke 1Borneo pada jam 8.30 pagi tadi selepas

pihak pengurusan masih gagal menjelaskan tunggakan bil walaupun notis diberikan beberapa kali sebelum ini,” katanya.

Berdasarkan surat arahan pemotongan dikeluarkan SESB, tindakan itu dibuat mengikut Perkara 4(2) Akta Bekalan Elektrik 1990, Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen (Pindaan) 2002.

Surat itu menyebut, bekalan hanya disambung semula dalam tempoh 48 jam selepas amaun yang dinyatakan iaitu RM8,743,403.42 dibayar sepenuhnya.

Hujung bulan lalu, SESB menerusi kenyataan berkata,



Pihak pengurusan masih gagal menjelaskan tunggakan bil walaupun notis diberikan beberapa kali sebelum ini”

Jurucakap SESB

Headline	Culas bayar bil RM 8.7 j		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	12 Jul 2018	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	66
ArticleSize	401 cm ²	Journalist	Mohd Nazllie
PR Value	RM 47,391		



AKTIVITI perniagaan berjalan lancar seperti biasa walaupun bekalan kuasa pendingin hawa dipotong SESB.

pihaknya akan melakukan pemotongan bekalan elektrik di bangunan 1Borneo Hypermall hari ini jika pihak pengurusan masih gagal membayar tunggakan hu-

tang utiliti sejak setahun lalu yang mencecah RM9.3 juta.

Susulan itu, difahamkan SESB membuat pemotongan pada bahagian pendingin hawa selepas pengurusan

1Borneo menjelaskan sejumlah bayaran.

Tinjauan di pusat beli-belah itu mendapati operasi perniagaan semua premis dan kiosk berjalan seperti

biasa.

Bekalan elektrik untuk kegunaan lampu dan tangga bergerak juga tidak mengalami sebarang gangguan kecuali keadaan kurang sejuk.